

11/07/2003

Penyatuan tafsiran, umat agar gemilang berulang

BUKAN sekali dua pemimpin Pas menolak pandangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai Islam. Kononnya kerana Perdana Menteri bukan berlatarbelakangkan pendidikan Islam, maka beliau tidak mempunyai kelayakan untuk bercakap mengenai Islam. Dalam pada itu, sudah kerap juga

Dr Mahathir menempelak Pas. Dalam ucapan dasarnya pada Perhimpunan Agung Umno tahun lalu, umpamanya, Perdana Menteri dalam nada menyindir menyatakan bahawa orang yang dikatakan Pas tidak layak dan tidak berhak bercakap mengenai agama telah dijemput oleh orang Islam di negara lain untuk bersyarah berkenaan Islam, dan buku-bukunya yang ditulis berkenaan dengan Islam juga diterima baik oleh ramai orang Islam, diterjemah oleh mereka ke dalam bahasa mereka termasuk bahasa Arab dan diedar dengan meluas. Ringkasnya, pemimpin Pas usah angkuh dan mendakwa hanya mereka yang boleh bercakap berkenaan agama Islam.

Multaqa Ulama Sedunia di Putrajaya yang dirasmikan Perdana Menteri semalam sekadar mengukuhkan lagi hakikat itu. Tidak mungkin persidangan tiga hari itu, yang tujuannya ialah membincangkan isu penting membabitkan

masa depan umat Islam dalam era globalisasi ini dan membetulkan tanggapan

serong mengenai Islam, mampu menarik penyertaan kira-kira 900 cendekiawan

dari 34 negara jika tidak didorong rasa hormat mereka terhadap Dr Mahathir. Lebih daripada itu, ia mencerminkan pengiktirafan tertinggi terhadap Malaysia sebagai negara Islam contoh yang ingin mereka ikuti - bukan kerana gelagat orang yang cuba memperalatkan Islam untuk kepentingan

politik parti mereka. Sebaliknya, mereka menganggap Malaysia sebagai contoh kerana pentadbiran dan pembangunannya serta juga pegangannya kepada

agama Islam mengikut kehendak agama Islam sebenar.

Berbanding sesetengah pendapat kononnya apa juga tafsiran berkaitan agama Islam tidak boleh ditegur, Dr Mahathir dilihat sebagai pemimpin dunia Islam yang berani menyatakan kebenaran. Apabila Perdana Menteri menyatakan umat Islam hari ini amat tertindas dan terhina di dunia, ia adalah realiti dan kepahitan yang perlu diterima. Malah, lama sebelum serangan 11 September, agama Islam dan umat Islam sudah dituduh sebagai agama dan orang yang mundur, tidak mampu memerintah dan membangun negara sendiri dan sering terbabit dengan keganasan. Runtuhnya menara berkembar Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York sekadar memburukkan lagi pandangan

berkenaan. Masalahnya ialah pada umat Islam sendiri. Hakikatnya ialah orang Islam sudah tidak lagi berpegang kepada ajaran Islam sebenar.

Lebih

malang, orang Islam dan negara-negara Islam lebih kuat bermusuhan sesama sendiri.

Rumusan Dr Mahathir juga harus amat tepat bahawa usaha mengembalikan zaman kegemilangan Islam - suatu era silam yang menyaksikan tiada siapa

yang berani menindas umat Islam atau mencerooboh wilayah mereka dan umat Islam dihormati dan dianggap sebagai kuasa dunia - adalah tugas berat yang

perlu dipikul oleh ulama. Ke arah itu, ulama perlu membuat keputusan secara konsensus berhubung tafsiran sebenar Islam agar umat Islam tidak terus berpecah-belah akibat tafsiran berbeza mengenai agama suci itu. Tafsiran yang ketinggalan zaman serta ketaksuban kepada ukhrawi dan mengetepikan keperluan duniawi atau apa yang disimpulkan oleh Dr Mahathir

sebagai pernyataan salah dan salah tafsir mengenai Islam yang membawa kepada nasib malang umat Islam, hendaklah diperbetulkan. Penguasaan pelbagai bidang kemahiran dan ilmu adalah antara prasyarat untuk umat Islam berupaya mempertahankan diri dan agama daripada sebarang ancaman.

Meneliti ucapannya yang turut mengimbau kegemilangan Islam pada masa lalu, termasuk di Sepanyol, Afrika Utara, dan empayar Turki, serta bagaimana umat Islam kini dihina dan ditakluki, Dr Mahathir sebenarnya menyeru kepada penyatuan ummah seluruh dunia. Penyatuan hanya akan dicapai

jika umat Islam kembali kepada Islam yang satu sebagaimana diajar oleh Rasulullah, berbanding membiarkan tafsiran yang bercanggah, termasuk angkara ulama palsu atau ulama yang menyamar untuk tujuan politik, hingga

Islam terbahagi kepada beratus-ratus aliran. Dengan seruan agar umat Islam

mengikis fahaman sempit mengenai agama mereka selain tidak mengabaikan tuntutan fardu kifayah, tidak menjadi bongkak dan melupakan agama dalam usaha mengejar ilmu pengetahuan serta tidak terikut-ikut cara Barat dalam

beberapa perkara, Dr Mahathir adalah juga katalis dalam mengerah perubahan

pemikiran umat Islam ke arah kegemilangan yang dicita-citakan.